

06 MAY 1996

Mahathir-dialog

PM GESA PENGELUAR TEMPATAN TEMBUSI PASARAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Pengeluar tempatan perlu mencontohi syarikat-syarikat asing yang melabur di Malaysia dan melihat kepada pasaran antarabangsa dan tidak membataskan diri kepada lingkungan pasaran tempatan yang mempunyai jumlah penduduk yang kecil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat gergasi antarabangsa yang memandang ke arah pasaran antarabangsa mengambil faedah daripada insentif-insentif Malaysia, kadar inflasi yang rendah untuk mengeluarkan dan mengeksport barangan mereka.

Pengeluar Malaysia, sebaliknya, masih melihat kepada pasaran domestik dan meminta perlindungan dan insentif daripada kerajaan, katanya pada majlis dialog dengan 700 wakil sektor swasta di sini.

Beliau berkata pengeluar perlu mengurangkan penggunaan tenaga buruh dengan menggunakan peralatan jentera memandangkan masalah kekurangan buruh sedia ada yang telah membawa kepada kehadiran kira-kira satu juta pekerja asing ke negara ini.

"Kita perlu mengurangkan penggantungan kepada buruh dan menggunakan lebih banyak jentera dan robotik untuk mengurangkan lebihan tetapi mengekalkan kualiti barangan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata pengeluar tempatan harus sedar bahawa pasaran domestik tidak mencukupi, dan menambah bahawa Malaysia kini sudah menjadi antara negara perdagangan terbesar di dunia dengan jumlah perdagangan sebanyak AS\$152 bilion pada 1995.

Beliau berkata Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan dibentangkan di Parlimen hari ini akan menyediakan perubahan arah haluan yang jelas bagi negara ke arah mencapai kekuatan ekonomi dan status negara maju pada abad akan datang di bawah Wawasan 2020.

Antara objektifnya, rancangan itu mahu mengatasi masalah kekurangan pekerja dan mengurangkan penggantungan kepada buruh asing serta mengatasi defisit imbalan pembayaran.

Perdana Menteri berkata kehadiran begitu banyak pekerja asing adalah tidak sihat bagi negara dalam jangka panjang kerana ia akan mewujudkan lebih banyak masalah apabila mereka menetap di sini untuk satu tempoh yang lama.

"Mereka sudah pasti membuat tuntutan. Sekarang mereka mengikut sahaja tetapi kemudian akan menuntut hak untuk menjadi rakyat negara ini seperti yang berlaku di Jerman dengan pekerja Turki.

"Kita akan menghadapi masalah. Untuk menguruskan sebuah negara dengan tiga kaum yang besar yang berlainan agama, budaya dan warna kulitpun sudah menjadi satu masalah besar," katanya dengan disambut gelak ketawa.

Dr Mahathir tidak bersetuju dengan cadangan daripada perwakilan untuk mencontohi amalan penggunaan buruh di sesetengah negara Asia Barat di mana pekerja asing mengisi kira-kira 50 peratus tenaga kerja.

Dr Mahathir berkata pengeluar Malaysia sebaliknya perlu mencontohi rakan sekerja mereka di Jepun dan kurang menggunakan tenaga buruh dan bergantung sepenuhnya kepada pekerja tempatan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hadir pada dialog itu yang diadakan buat kali pertama tahun lepas. --
BERNAMA

TCL AFY AKD